

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL



Antara produk yang dirampas 15 pegawai CPF di sebuah klinik swasta di Seremban, Khamis lalu. (Foto ihsan CPF)

Klinik jual produk psikotropik kepada penagih dadah diserbu

Seremban: Kementerian Kesihatan menyerbu sebuah klinik dan merampas produk psikotropik yang diseludup ke negara ini, bernilai kira-kira RM64,000 untuk dijual kepada penagih dadah.

Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Datuk Dr Harlina Abdul Rashid, berkata petugas Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) negeri itu mengesan kegiatan klinik swasta di bandar ini, sebelum premis diserbu Khamis lalu.

Katanya, sejumlah produk dianggarkan bernilai RM64,273 dirampas.

Beliau berkata, operasi bersepadu itu dijalankan oleh 15 Pegawai CPF Negeri Sembilan, CPF Kuala Lumpur dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Kontinjen Negeri Sembilan.

"Operasi merampas 17 keluaran yang tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), tujuh jenis keluaran psikotropik yang berdaftar dan lima jenis peranti digital.

"Siasatan awal mendapati pro-

duk itu dibawa masuk dari negara luar menggunakan laluan yang tidak sah dan dibekalkan kepada penagih dadah di Negeri Sembilan," katanya semalam.

Beliau berkata, maklumat daripada orang awam membantu menjayakan operasi itu.

Katanya, sumber produk itu tidak diketahui dan penggunaan produk boleh membahayakan kesihatan orang awam.

"Siasatan lanjut akan dijalankan mengikut Akta Jualan Dadah 1952 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Siasatan mengikut seksyen 32(2) Akta Racun 1952, jika sabit kesalahan pihak yang berkaitan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali.

"Mengikut seksyen 30(5) akta yang sama, jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

Pasaran untuk penagih dadah

Ops Nilam bongkar penyeludupan ubat-ubatan psikotropik dalam serbuan di sebuah klinik swasta

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Seludup masuk produk ubat-ubatan psikotropik bagi merawat masalah mental ke negara ini sebelum dijual kepada golongan penagih dadah.

Ita dibongkar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) Negeri Sembilan hasil serbuan di sebuah klinik swasta di sini, Khamis lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri Negeri Sembilan, Datuk Dr Harlina Abdul Rashid ber-



Siasatan awal mendapati produk itu diseludup masuk dari negara luar menggunakan laluan tidak sah dan dibekalkan kepada penagih dadah sekitar Negeri Sembilan”

Dr Harlina

kata, operasi bersepadu menerusi Ops Nilam itu dilakukan 15 Pegawai CPF Negeri Sembilan, CPF Kuala Lumpur dan anggota Jabatan Sia-

satan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan susulan maklumat diperolehi.

“Hasil operasi itu, kami berjaya merampas sebanyak 17 keluaran produk tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), tujuh jenis keluaran psikotropik yang berdaftar dan lima jenis peranti digital dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM64,273.

“Siasatan awal mendapati produk itu diseludup masuk dari negara luar menggunakan laluan tidak sah dan dibekalkan kepada penagih dadah sekitar Negeri Sembilan,” katanya semalam.



ANTARA produk dirampas anggota CPF dalam Ops Nilam di sebuah klinik perubatan swasta di Seremban.

Beliau berkata, maklumat dan kerjasama pihak awam turut membantu jabatannya membongkar kegiatan itu.

Kata beliau, sumber produk itu tidak diketahui dan penggunaan produk tidak diyakini keselamatannya serta boleh membahayakan kesihatan orang awam.

“Siasatan lanjut akan dijalankan mengikut Akta Jualan Dadah 1952 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali di bawah akta yang sama.

“Mengikut seksyen 32(2) Akta Racun 1952, pihak berkaitan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali di bawah akta sama.

“Di bawah seksyen 30(5) akta sama, jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali di bawah akta yang sama,” katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA



SEORANG gadis melalui depan sebuah premis menjual pelitup muka di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. – GAMBAR HIASAN

Semua kategori kes Covid-19 catat peningkatan

PUTRAJAYA – Malaysia kelmarin kembali merekodkan penurunan kes positif Covid-19 dengan mencatatkan sebanyak 1,919 kes berbanding Isnin lalu, 2,092 kes sekali gus mengatasi 1,564 kes sembuh.

Berdasarkan laman web COVIDNOW, Selangor semalam mencatatkan kes positif harian tertinggi iaitu 821 kes diikuti Kuala Lumpur (351), Pulau Pinang (136), Negeri Sembilan (105), Perak (69), Sabah (82), Melaka (76), Sarawak (76), Johor (58) dan Kedah (58).

Ia diikuti Putrajaya (32), Terengganu (17), Pahang (17), Perlis (6) dan Labuan, dua kes.

Menurutnya, pesakit Covid-19 yang masih berada di wad meningkat kepada 430 orang berbanding kelmarin,

seramai 411 orang, manakala kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) semalam merekodkan 32 kes.

Bagaimanapun, jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan merekodkan 18 kes berbanding jumlah Isnin lalu, 12 kes.

Bagi kluster Covid-19 pula, satu kluster baharu direkodkan, manakala sebanyak empat kluster yang masih aktif sekali gus menjadikan 7,015 keseluruhan kluster.

Dalam perkembangan melibatkan kematian, empat kes dilaporkan menjadikan dan jumlah terkini sebanyak 35,720 kes.

Selain itu, satu kes kematian *brought-in-dead* (BID) dicatatkan menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 7,575 kes.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : KESIHATAN.GAYA



ORANG ramai disarankan untuk diagnosis kesihatan bagi memastikan penyakit dapat dikawal pada peringkat awal lagi. - GAMBAR HIASAN

Bagaimana penyakit menjejaskan jantung dan fungsi otak?

BAGAIMANA kolesterol tinggi, kandungan gula dalam darah yang tinggi dan tekanan darah tinggi boleh menjejaskan jantung dan otak? Pakar Jantung dan Perunding Kesihatan, Dr. Tee Chee Hian berkata, jika situasi berkenaan dibiarkan tanpa sebarang rawatan, ia boleh membawa kepada penyakit yang boleh mengancam nyawa seperti Sindrom Koronari Akut (ACS) yang merupakan sejenis terma perubatan yang diklasifikasikan sebagai sebuah keadaan di mana berlakunya pengurangan saluran darah ke jantung secara mendadak.

Katanya keadaan itu boleh mengakibatkan kondisi serangan jantung seperti *Acute Myocardial Infarction*, *Acute Subendocardial Myocardial Infarction* dan angina yang tidak stabil.

"Keadaan ini boleh dikenalpasti melalui simptom tertentu seperti sakit dada, kekurangan daya toleransi, mudah berasa penat, pening kepala, situasi hampir pingsan dan rasa berdebar tanpa sebab.

"Sekiranya tiga perkara itu dibiarkan atau tidak dikawal dengan sebaiknya, ia akan menyebabkan berlaku penyumbatan pada arteri koronari dan mengurangkan aliran darah ke otot jantung. "Bagi kes yang lebih serius,



TEE CHEE HIAN

“Bagi kes yang lebih serius, pesakit boleh tidak sedarkan diri (ketika jantung berhenti mengepam).”

pesakit boleh tidak sedarkan diri (ketika jantung berhenti mengepam). Selain individu memerlukan rawatan perubatan dengan segera," katanya.



KOK CHIN YONG

FUNGSI OTAK MEROSOT
Bahaya kolesterol tinggi, kandungan gula dalam darah yang tinggi dan tekanan darah tinggi ialah kerana ia turut menjejaskan fungsi otak.

Pakar Neurologi dan Perunding Perubatan, Dr. Kok Chin Yong berkata, tekanan darah yang tinggi boleh menyebabkan berlakunya perubahan serta pembentukan semula dinding saluran darah yang tidak normal, seterusnya membawa kepada aliran darah yang terjejas kepada struktur otak dengan lebih dalam.

"Kandungan gula dalam darah yang tidak normal juga boleh mengakibatkan kerosakan pada struktur yang sama sehingga mencetuskan

LANGKAH PROAKTIF UNTUK SIHAT

MALAYSIA memiliki fasiliti perubatan yang baik, lantaran itu masyarakat perlu menggunakan fasiliti berkenaan sebaik mungkin demi kesihatan diri secara berpanjangan.

Ujian tekanan darah dan ujian saringan kesihatan tersedia di mana-mana sahaja termasuk di peringkat daerah seperti klinik kesihatan.

Fasiliti perubatan di negara ini boleh memainkan peranan dengan berkongsi maklumat kesihatan melalui media sosial dan menjalankan kempen kesedaran mengenai kolesterol tinggi, kandungan gula dalam darah yang tinggi dan tekanan darah tinggi.

Menerusi cara ini, orang awam akan lebih mudah mendapatkan maklumat terkini tentang satu daripada aspek-aspek penting dalam kehidupan iaitu kesihatan mereka sendiri.

DIET SIHAT

- » Begitupun diet seimbang dan rutin senaman sihat turut menjadi tunjang kepada kesihatan individu.
- » Diet seimbang dan kerap bersenam dapat membantu mengurangkan

kolesterol tinggi, kandungan gula dalam darah yang tinggi dan tekanan darah tinggi.

- » Diet tinggi sayur-sayuran dan buah-buahan serta mengurangkan pengambilan makanan proses dan makanan ringan.

SENAMAN

- » Rutin bersenam merupakan alternatif mengawal kesihatan supaya tubuh berada pada tahap stabil.
- » Berhenti merokok boleh mengurangkan risiko menghindari penyakit Sindrom Koronari Akut.
- » Sentiasa prihatin dengan perubahan dialami oleh badan. Sebarang perubahan sama ada kecil atau pun besar boleh memberi impak terhadap tahap kesihatan individu.

SIMPTOM & PERUBAHAN


- » Masalah badan seperti seperti tekanan darah yang tinggi dan diabetes merupakan faktor risiko utama yang membawa kepada penyakit strok.
- » Hipertensi dianggap sebagai pembunuh senyap yang mampu membawa maut.

masalah kekeliruan, pergerakan yang tidak normal dan boleh juga sawan," katanya.

Tegasnya, bukan semua masalah tekanan darah mampu membawa kepada hipertensi, tetapi ianya adalah tanda amaran yang tidak boleh diendahkan begitu sahaja.

"Adalah penting untuk kita mengambil serius segala tanda dan gejala serta dapatkan nasihat daripada pakar perubatan untuk mengenalpasti punca masalah yang individu alami.

"Lebih penting ialah diagnosis awal dapat membantu kita memastikan ketiga-tiga penyakit ini dapat dikawal daripada peringkat awal. Ia juga membantu



DIAGNOSIS awal membantu mengelakkan kemerosotan sel otak.

pesakit mengelakkan diri daripada kemungkinan untuk mendapat strok dan demensia melalui cara menghindari kemerosotan kedua-dua sel otak dan saluran darah dalam otak," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

NO NEW CLUSTERS

SLIGHT FALL IN NEW INFECTIONS

1,922 Covid-19 infections reported on Tuesday, down from 2,092 on Monday

KUALA LUMPUR

MALAYSIA reported 1,922 new Covid-19 cases on Tuesday, a slight decrease from 2,092 on Monday.

This brings the cumulative cases to 4,530,312, according to the Health Ministry's CovidNow portal.

The Covid-19 death toll stands at 35,720 with four more fatalities recorded on Tuesday.

Four brought-in-dead (BID) cases were reported, bringing the overall tally to 7,575.

There are 22,961 active Covid-19 cases in the country.

Of the total, 21,921 (95.5 per cent) are in home quarantine, 16 (0.1 per cent) are at integrated quarantine and treatment centres, and 992 (4.3 per cent) are hospitalised.

Out of 32 Covid-19 intensive care unit patients, 18 are on ventilators.

There were 149 hospital admissions in the Klang Valley; the hospital bed utilisation rate was 67.6 per cent.

Selangor recorded the highest number of daily admissions at 126 (bed utilisation rate of 78.2 per cent up to Tuesday). Kuala Lumpur had 17 and Putrajaya six.

Other states that reported new hospital admissions were Johor

with 86 cases, Sabah with 62, Sarawak with 39, Kedah with 31, Perak with 14, Negri Sembilan with 10, Kelantan and Perlis with nine each, Penang with eight, Melaka with five, Terengganu with four and Pahang with three.

There was only one new Covid hospital admission in Labuan on Tuesday.

There are four active Covid-19 clusters. No new cluster was detected on Tuesday.

A total of 7,015 Covid-19 clusters were reported in the country.

On vaccination rates, 68.5 per cent of the adult population nationwide had received the booster dose and 97.7 per cent of adults had received two doses.

As for adolescents, 2,912,234, or 93.6 per cent of those aged 12 to 17, have received two doses, and 3,004,564, or 96.4 per cent, have received at least one dose.



A doctor and a nurse checking on a cancer patient with Covid-19 at a hospital in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH